

PENGARUH KEPIMPINAN DALAM DASAR LUAR MALAYSIA

*Ramli Dollah
Wan Shawaluddin Wan Hassan*

Abstrak

Rupa bentuk dasar luar di sesebuah negara banyak ditentukan oleh pemimpin. Peranan pemimpin terutamanya ketua eksekutif negara sangat penting dalam menentukan bagaimana dasar luar sesebuah negara akan dipandu berdasarkan kepentingan nasional. Dalam hal ini, karakter dan persepsi pemimpin ini sangat penting dalam mempengaruhi dan menentukan bagaimana polisi atau dasar luar sesebuah negara tersebut dibentuk. Artikel ini memfokuskan kepada peranan perdana menteri negara ini bermula dari Tunku Abdul Rahman sehinggalah kepada Najib Tun Abdul Razak dalam mengendalikan dasar luar Malaysia. Masing-masing memperlihatkan minat serta kepintaran mereka dalam mengendalikan dasar luar tersebut. Artikel ini mendapati bermula dari Tunku yang pro-Barat, dasar berkecuali Tun Razak, dasar penerusan Tun Hussein Onn, dasar konfrontasi Dr Mahathir dengan Barat, dasar tidak konfrontasi Abdullah Badawi dan dasar pragmatik Najib, jelas memperlihatkan kepentingan pemimpin negara mengemudi dasar luar Malaysia, sesuai dengan kepentingan negara di persada antarabangsa serta telah berjaya memprojeksi nama Malaysia di persada dunia.

Kata kunci: *Malaysia, kepimpinan, dasar luar, perdana menteri, kepentingan nasional.*

Abstract

The characteristic of foreign policy are determined by the leader of a country. The role of the leader, especially the chief executive of the state is very important in determining how a country's foreign policy

will be formulated according to its national interests. In this aspect, the character and perception of the leader are very important in influencing and determining the orientation of the policy or foreign policy of the state. This article focuses on the role of the Malaysia's prime minister from Tunku to Najib in conducting foreign policy. Each of these leaders has demonstrated their enthusiasm and wisdom in conducting Malaysia's foreign policy. This article concludes that from the Tengku's pro-Western policy, Tun Razak's non-align policy, the continuation of the policy under Tun Hussein, Mahathir's confrontational posture, accommodative policy under Abdullah and Najib's pragmatic policy, clearly indicate the crucial role of state's leader in conducting Malaysia's foreign policy and to pursue its national interests that has successfully projected Malaysia in international arena.

Keywords: *Malaysia, leadership, foreign policy, prime minister, national interests.*

Pendahuluan

Artikel ini mengutarakan hujah bahawa perdana menteri merupakan aktor utama dalam menentukan dasar luar Malaysia. Perdana menteri telah meletakkan nama Malaysia sebagai salah satu daripada aktor utama di rantau ini khususnya dan di peringkat antarabangsa amnya. Daripada sebuah bekas koloni Britain, pengeluar getah dan bijih timah dunia ini, kini bertukar menjadi sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian ekonomi. Malaysia cukup dihormati dalam kalangan negara dunia ketiga kerana ketegasan dan keberaniannya mengkritik sikap hipokrit dunia Barat. Kejayaan yang dicatat oleh Malaysia ini tidak akan tercapai tanpa sumbangan besar para pemimpin negara bermula dari Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Hussein Onn, Dr Mahathir, Abdullah Ahmad Badawi dan Najib. Artikel ini berusaha untuk melihat peranan serta pengaruh kepimpinan ke atas dasar luar dan hubungan luar Malaysia sepanjang tempoh era enam perdana menteri Malaysia. Dalam hal ini, perbincangan akan memfokuskan kepada beberapa isu dan peristiwa penting yang melibatkan para pemimpin

negara terbabit dan bagaimana peranan kepimpinan ini sangat dominan ketika memahami dasar luar Malaysia dalam mendepani isu-isu di peringkat antarabangsa.

Dasar Luar

Menurut Deutsch (1988), dasar luar sesebuah negara direka bentuk untuk mempertahankan dua elemen penting sesebuah negara; pertama, menguruskan penjagaan kemerdekaan dan keselamatan, dan kedua memenuhi serta melindungi kepentingan ekonomi (terutama kumpulan berpentingan).¹ Menurut Evans & Newnham (1998), dasar luar merupakan aktiviti apabila aktor negara bertindak, bertindak balas dan berinteraksi ke atas persekitarannya.² Bagi Rodee *et. al* (1985) pula, dasar luar ialah pola perlakuan yang sebuah negara gunakan ketika memenuhi kepentingan dalam hubungan dengan negara lain.³ Ringkasnya, dasar luar merujuk kepada bagaimana sesebuah negara menguruskan hubungannya dengan negara lain. Hubungan tersebut berkaitan ekonomi dan perdagangan, politik mahupun strategik serta kebudayaan dan pendidikan. Dasar luar berperanan di peringkat antarabangsa bagi memastikan kedaulatan sesebuah negara tidak diancam oleh musuh dari luar yang mungkin terdiri dari negara jiran atau kuasa besar. Negara akan mempertahankan kedaulatan wilayahnya, malah sanggup berperang kerana mempertahankan hak tersebut. Oleh itu, kekuatan tentera tidak bermakna jika di peringkat antarabangsa sebuah negara itu tidak mempunyai rakan kerana perkara ini akan membahayakan '*survivalnya*.'

Kepimpinan dan Dasar Luar

Dalam memahami pembentukan dasar luar, beberapa isu penting perlu diberikan perhatian. Peranan pemimpin terutamanya ketua eksekutif negara adalah sangat penting dalam menentukan bagaimana dasar luar sesebuah negara tersebut dipandu berdasarkan kepentingan nasional negara. Dalam hal ini, karakter dan persepsi pemimpin ini sangat penting dalam mempengaruhi dan menentukan bagaimana polisi atau dasar luar sesebuah negara tersebut dijalankan.⁴ Menyedari

akan pentingnya peranan yang dimainkan oleh pemimpin ini, tidak menghairankan jika Hermann *et al.* mengklasifikasikan proses pembuatan keputusan dasar luar dipengaruhi oleh tiga elemen utama iaitu pertama, pemimpin yang dominan di mana seorang pemimpin mempunyai pengaruh yang sangat dominan dalam mempengaruhi pembuatan keputusan⁵; kedua, kumpulan kecil iaitu sekumpulan kecil yang mempengaruhi keputusan dasar luar sesebuah negara dan ketiga, beberapa kumpulan yang mempunyai pengaruh yang dominan dalam mempengaruhi pembuatan keputusan dasar luar.⁶ Namun, apa yang pasti ialah peranan pemimpin dilihat sangat penting dalam mempengaruhi dasar luar sesebuah negara.

Oleh itu, politik antarabangsa tidak dapat dijelaskan tanpa melihat peranan yang dimainkan oleh individu-individu terkenal dunia seperti Adolf Hitler, Mao Zedong, Franklin Roosevelt, Mahatma Ghandi, Winston Churchill, Mikhail Gorbachev, Joseph Stalin dan Vladimir Lenin. Hal yang sama juga berlaku dalam kalangan pembuat dasar di Washington di mana isu siapa menjadi perdana menteri di Britain, Canselor di Jerman atau raja di Arab Saudi sangat penting dalam perkiraan strategik di negara terbabit kerana ia bakal memberikan kesan kepada kepentingan Amerika Syarikat dan juga seluruh dunia.⁷ Hal ini sekali gus mengiyakan peranan pemimpin negara dalam menentukan dasar luar sesebuah negara. Dengan kata lain, walaupun dasar luar sangat dipengaruhi oleh faktor domestik atau antarabangsa, peranan yang dimainkan oleh ketua negara (pemimpin negara) sangat penting dalam menentukan hala tuju dasar luar negara tersebut. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa dalam konteks Malaysia, peranan perdana menteri yang menjadi ketua eksekutif utama negara memainkan peranan yang sangat besar dan signifikan dalam menentukan hala tuju dan dasar luar negara ini.

Meninjau Isu-isu Penting Dasar Luar Malaysia

Sejak mencapai kemerdekaan dari Britain sehingga kini, Malaysia telah mempunyai enam orang perdana menteri bermula dengan Tunku Abdul

Rahman (1957-1970), Tun Abdul Razak (1970-1976), Tun Hussein Onn (1976-1981) dan Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003), Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009) dan Najib Razak (2009-kini). Setiap pemimpin mempunyai peranan yang berbeza dalam memprojeksi dasar luar Malaysia. Di awal kemerdekaan misalnya, Malaysia yang pada masa itu berada di tengah-tengah kemelut persaingan perang dingin yang melibatkan pertentangan antara ideologi komunis-demokrasi bertindak menjalin hubungan yang rapat dengan negara-negara Barat, khususnya Britain. Kebergantungan Malaysia kepada Britain ini banyak disumbangkan oleh faktor domestik negara ini pada masa tersebut di mana PKM yang dikatakan berkiblatkan Beijing dan Moscow dilihat sebagai ancaman utama negara.⁸ Hasilnya, Malaysia terpaksa menandatangani perjanjian keselamatan dengan Britain melalui *Anglo-Malaya Defence Agreement* (AMDA) dan kemudian *Five Power Defence Arrangement* (FPDA), di samping membenarkan kehadiran tentera-tentera luar berada di negara ini. Keadaan ini dikuatkan lagi dengan keperibadian dan latar belakang Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Malaysia yang dilihat banyak berkiblatkan pemikiran Barat. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana Tunku menghabiskan banyak masa ketika belajar di Britain iaitu dari 1920 sehingga pulang ke Kedah pada Januari 1931.⁹ Pendirian Tunku kepada Barat dapat dilihat dengan jelas apabila berlakunya Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1963-1966).¹⁰ Semasa berlakunya konfrontasi, Barat dilihat banyak memberikan bantuan kepada Tanah Melayu dalam menjamin keselamatan di rantau ini.

Pada peringkat awal, walaupun Islam dilihat penting dalam dasar luar Malaysia, dalam hubungan bilateral dan dasar luar pada peringkat awal, Malaysia seolah-olah kurang meletakkan Islam sebagai asas penting Malaysia dan hubungan luarnya. Hal ini semakin jelas apabila Malaysia memberikan sokongannya kepada India dan bukannya Pakistan pada 1962 semasa meletusnya Perang Indo-Pakistan I. Hal ini seterusnya diburukkan lagi apabila wujudnya hubungan yang buruk antara Malaysia-Pakistan pada 1965 akibat tindakan Malaysia yang memberikan sokongan ke atas India dalam isu Kashmir. Walaupun isu

ini kembali pulih melalui penglibatan pihak ketiga iaitu Iran, secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa Islam bukan menjadi prioriti utama dalam dasar luar Malaysia pada ketika itu.¹¹

Malahan, insiden Konfrontasi Malaysia-Indonesia mengiyakan bahawa Kuala Lumpur tidak meletakkan Islam sebagai asas penting dalam dasar luar negara tersebut. Bahkan, sepanjang tempoh ini Indonesia lebih mendapat simpati daripada negara-negara Islam (terutamanya Arab Saudi dan Mesir) serta negara-negara berkecuali yang lain. Menyedari akan hal ini, beberapa usaha diambil untuk memenangi hati negara-negara Islam dan negara-negara ahli Afro-Asia termasuk lawatan-lawatan para pemimpin Malaysia ke negara-negara terbabit sebagai usaha untuk mengimbangi pengaruh Indonesia. Malahan, Malaysia terpaksa menyertai pertubuhan seperti *The Afro-Asian People's Solidarity Organisation* (AAPSO) walaupun mengetahui bahawa pertubuhan ini lebih kepada pertubuhan berhaluan kiri, semata-mata untuk membolehkan suara Malaysia didengar di peringkat antarabangsa, sama seperti kuasa-kuasa baharu lain.¹² Penerimaan Malaysia ini terbukti apabila ia berjaya mendapat sokongan 28 buah negara untuk menghadiri Persidangan Pertubuhan Berkecuali (NAM) di Algiers pada 1965.

Era Razak menyaksikan perubahan yang sangat besar dalam dasar luarnya. Antara isu utama yang diberi perhatian oleh beliau adalah dengan cara merapatkan hubungan dengan negara-negara Islam dan cuba mengalihkan dasarnya daripada pro-Barat kepada satu dasar yang dilihat lebih neutral dan berkecuali. Hal ini selari dengan keadaan politik dalaman yang berlaku di Malaysia di mana ia ditandakan dengan sentimen pro-Islam, antikolonial dan masalah etnik yang berlaku antara Melayu dan Cina. Untuk tujuan tersebut, beberapa langkah telah diambil oleh pemimpin Malaysia bagi menyesuaikan dasar ini dengan keadaan domestik.

Salah satu tindakan drastik yang diambil oleh Malaysia adalah dengan menandatangani *Islamic Charter of the OIC* pada 1972 (tidak

seperti Indonesia), yang dilihat oleh Nair sebagai usaha untuk meredakan isu dalaman dan menguatkan sokongan rakyat kepada pemerintah di samping ingin menunjukkan bahawa Malaysia ingin mengambil jalan tengah dalam hubungannya dengan blok Komunis dan juga blok Demokrasi.¹³ Strategi ini dilakukan bertujuan untuk memprojeksi imej Kuala Lumpur di peringkat antarabangsa dan secara tidak langsung meletakkan *credential* Malaysia sebagai salah satu negara utama di dunia ketiga. Untuk tujuan tersebut, Malaysia melakukan beberapa perubahan termasuk mengintegrasikan dasar neutraliti dan berkecuali dalam dasar luarnya melalui penglibatan dan kerjasama yang bersifat *multilateralism* (pelbagai hala). Perubahan yang besar dalam dasar luar Malaysia ini menurut Rozeman Abu Hassan sebagai kesedaran tentang keadaan politik dunia yang memerlukan kepada perubahan dalam mendepani isu-isu politik antarabangsa. Menurut beliau;

... mendapati dasar luar negara yang diamalkan oleh Tunku banyak kelemahannya dan merugikan Malaysia. Tun Razak telah bertindak mengubah halacara dasar luar Tunku yang pro-Barat kepada prinsip dasar luar yang berkecuali dan bersahabat dengan mana-mana negara tanpa mengira ideologi, politik mahupun agama.¹⁴

Salah satu tindakan drastik yang dilakukan oleh beliau adalah dengan cara menarik pengiktirafannya ke atas Republik China (Taiwan) dan seterusnya menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China (RRC) pada tahun 1974. Tindakan Razak ini yang pertama dilakukan oleh negara di Asia Tenggara. Apa yang dilakukan oleh Razak ini selari dengan tekanan domestik serta pola politik antarabangsa pada masa tersebut yang cenderung mengiktiraf Beijing sebagai satu-satunya wakil negara China di seluruh dunia. Tidak dapat dinafikan bahawa usaha Washington berbaik dengan Beijing ekoran diplomasi ping-pong¹⁵ turut mempengaruhi Kuala Lumpur untuk turut melakukan hal yang sama dengan China. Hubungan Moscow-Beijing yang semakin buruk telah digunakan oleh Washington untuk mendekati China berakhir dengan lawatan Nixon bertemu Mao Zedong pada tahun Februari 1972.¹⁶ Hal ini tidak hanya berlaku kepada Malaysia, tetapi juga kepada negara-negara lain di seluruh dunia. Kanada misalnya

mula mengiktiraf China pada 1970. Selain itu, dalam undian di PBB, 76 buah negara mengundi menyokong RRC sebagai wakil negara China di PBB menggantikan Taiwan yang hanya mendapat 39 undi. Jepun misalnya yang dilihat sebagai seteru utama turut bertindak mengiktiraf ROC sebahagian dari RRC melalui *Japan-China Joint Communiqué* pada 1972.

Seterusnya, semasa era pentadbiran Hussein Onn, tidak banyak isu yang cuba ditangani oleh beliau kerana Razak telah meletakkan asas kepada hubungan ini. Namun, di sepanjang tempoh ini, tiga isu besar yang mencabar Malaysia iaitu 1) banjir pelarian Indo-China terutama dari Vietnam dan Kemboja ke negara-negara Asia Tenggara; 2) serangan Vietnam ke atas Kemboja dan 3) kejatuhan regim Pol Pot kepada Heng Samrin yang disokong oleh Vietnam. Isu-isu ini perlu dihadapi oleh Malaysia yang bersama-sama ASEAN terpaksa menggunakan diplomasi untuk diperjuangkan di forum-forum antarabangsa, terutama di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Begitupun, semua isu ini berjaya dihadapi dengan cemerlang oleh diplomat-diplomat negara ini sehingga membawa kepada penyelesaian konflik. Apabila Revolusi Iran meletus pada 1979 dengan kembalinya Khomeini dari Paris, Nair menyatakan bahawa Kuala Lumpur memberikan respons sepi dengan perkembangan yang berlaku.¹⁷ Hanya lapan bulan selepas itu, Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauden menyatakan bahawa hubungan kedua-dua negara berjalan seperti biasa dan revolusi sebagai hal dalaman yang berlaku di Iran.¹⁸

Dasar dan hubungan luar Malaysia melalui fasa baharu apabila Mahathir muncul sebagai perdana menteri Malaysia yang keempat. Semasa era pentadbiran Mahathir, dasar luar Malaysia mengalami satu perubahan yang drastik kerana dasar-dasar yang dijalankan oleh Malaysia dalam hubungan luarnya dengan negara lain. Dalam usaha meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kekuatan ekonomi dan industri selaras dengan keperluan domestik dan antarabangsa, Mahathir melaksanakan dasar penting iaitu *the Look East Policy* dan *South-South Cooperation* dengan cara yang

lebih drastik. Malah, Mahathir mahukan prinsip *prosper-thy-neighbor* (memakmurkan jiran) sebagaimana dalam *Langkawi Intellectual Dialogue* yang diperluaskan ke benua Afrika. Beliau juga agak kritikal dengan Barat dalam banyak isu. Antaranya menyuarakan hak penduduk Palestin, Iraq, ketidakseimbangan antara utara-selatan dalam bidang ekonomi dan mengkritik dasar *double standard* Barat dalam banyak isu yang berlaku di seluruh dunia.¹⁹ Untuk tujuan tersebut, Mahathir mengalihkan hubungannya ke atas negara-negara Asia.

Hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila beliau menjalankan dasar Dasar Pandang ke Timur (DPT) pada Februari 1982. Mahathir semasa ucapannya pada 1982 menyatakan bahawa;

'You may be aware that lately I have been exhorting Malaysian to emulate the Japanese, particularly in works ethics and ethical values. This re-orientation is crucial at this juncture in the development of the country ... we have for a long time been looking for the west, as did Japan in the early days for her development. But the West is no longer a suitable model. They have lost the drive'.²⁰

Mengenai hubungannya dengan ASEAN, Mahathir pada 1982 melihat bahawa;

ASEAN remains in the forefront of our foreign policy priorities. The rationale behind this Government's thinking is the vital role of ASEAN as a stabilizing influence and as a catalyst in developing the economic resilience of the region... . ASEAN has become an important platform for the development of closer relations with advanced countries as well as with international organizations. ASEAN, therefore, has an important role to play in national, regional and international affairs.²¹

Malahan sepanjang era pentadbiran beliau, didapati Dr. Mahathir begitu kritikal terhadap beberapa dasar yang dijalankan oleh pentadbiran Washington, menuduh Soros dan pelabur asing sebagai penyebab kepada krisis ekonomi dan menolak preskripsi IMF sehinggakan beliau digelar *'the bad boy of Southeast Asia'*.²² Mahathir pernah mengkritik pihak Barat termasuk Washington tentang sikap hipokrit mereka dalam isu Bosnia khususnya kerana sikap mereka yang

membiarkan pembunuhan dilakukan oleh pihak Serb ke atas penduduk Muslim dan Croat.²³ Bukan setakat itu, Mahathir juga agak kritikal dengan perang menentang keganasan yang dijalankan oleh Amerika di seluruh dunia. Walaupun Malaysia dilihat juga berperanan dalam menangani isu ini, Mahathir dilihat sebagai seorang pemimpin yang benar-benar kritikal dalam dasar luar Amerika ini terutamanya yang mengaitkan Islam dan penganas.

Respons beliau terhadap krisis ekonomi Asia mendapat kritikan daripada Jabatan Perbendaharaan Amerika semasa pentadbiran Clinton dan juga Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Pentadbiran Clinton juga beberapa kali mengkritik penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), yang kemudian telah dimansuhkan oleh Malaysia pada tahun 2011. Malahan pada 1998 semasa mesyuarat pemimpin negara *Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC) di Kuala Lumpur, Naib Presiden Amerika, Al Gore secara retoriknyanya menyokong reformasi politik yang cuba dibawa oleh Anwar Ibrahim pada masa tersebut.²⁴ Bahkan, hubungan ini dilihat mencapai tahap yang sangat rendah pada masa tersebut.

Namun di satu sudut yang lain, Malaysia terus dilihat sebagai rakan paling strategik Amerika terutamanya selepas berlakunya insiden 9/11. Kuala Lumpur dilihat menyokong dasar ini malahan dalam beberapa keadaan, Malaysia di bawah pentadbiran Mahathir bertindak menangkap dan memenjarakan suspek penganas di negara ini. Bahkan, Mahathir dan Malaysia juga dilihat oleh pentadbiran Bush sebagai '*moderate Muslims*' kerana usaha beliau memerangi keganasan di peringkat antarabangsa.²⁵ Akibat sokongan yang berterusan Malaysia dalam memerangi keganasan anjuran Amerika ini, James Kelley, Penolong Setiausaha Amerika kepada Hal-Ehwal Asia Timur dan Pasifik menggelar Malaysia sebagai '*beacon of stability*' di Asia Tenggara.²⁶

Apabila mengambil alih pentadbiran pada 22 Oktober 2003, Abdullah Badawi dilihat banyak meneruskan dasar-dasar yang dijalankan oleh Mahathir. Antara komitmen utama dasar luar Malaysia

pada masa tersebut adalah meletakkan kerjasama serantau ASEAN dan integrasi Asia Timur sebagai prioriti utama penglibatan dalam OIC, NAM dan kerjasama selatan-selatan, menyokong dasar multilateralisme di peringkat global berdasarkan mandat yang diberikan oleh PBB, merapatkan hubungan dengan kuasa-kuasa besar dan kerjasama strategik dengan Amerika dalam menentang keganasan dan kerjasama dengan negara-negara pesisir di Laut China Selatan dalam menangani masalah perlanunan dan penglibatan kuasa luar.²⁷

Dalam hal ini, Nathan berhujah bahawa satu-satunya isu yang membezakan antara pendekatan era Mahathir dan era Abdullah berkenaan dasar luar Malaysia adalah cara bagaimana dasar ini diproyeksikan. Mahathir dalam hal ini sering bersifat kritikal dan antagonis kepada hipokrasi dan *double standard* Barat, Abdullah Badawi pula dilihat kurang mempunyai kekuatan untuk melaksanakan pendekatan yang sama seperti Mahathir, walaupun hakikatnya kedua-dua pemimpin ini mempercayai kerjasama dengan kuasa ekonomi Barat adalah penting kepada pembangunan negara dan kestabilan serantau.²⁸

Namun, hal ini tidak menghairankan kerana sememangnya dengan latar belakang sebagai bekas penjawat awam atau PTD, sememangnya Abdullah mempunyai ciri-ciri diplomasi yang menjadi asas penting dalam pentadbiran. Hal yang sama diujahkan oleh Chandra Muzaffar,

*'Other policies include ... Mahathir's clarion call for [reform of the UN] ... I [do not] think the substance of foreign policy will change in any way. However, Abdullah's style is going to impact upon his foreign policy, which means. ... he will be less confrontational.'*²⁹

Namun, dasar Abdullah yang tidak bersifat konfrontasi dengan negara lain ini dilihat memberi jalan kepada hubungan yang baik antara Amerika dan juga Malaysia.³⁰ Hal yang sama juga berlaku dalam hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara. Karakter beliau yang tidak bersifat konfrontasi ini dilihat sebagai penyebab utama kepada hal ini.

Apabila Najib Razak mengambil alih kuasa sebagai Perdana Menteri pada April 2009, beliau mewarisi keadaan politik domestik yang kurang stabil akibat daripada kemenangan pihak pembangkang menawan beberapa buah negeri. Hasilnya, Najib lebih banyak memfokuskan kepada isu-isu domestik, iaitu berusaha untuk mendapatkan semula kepercayaan daripada rakyat. Pada 2009 semasa memberikan ucapan kepada para diplomat asing, Najib memberikan petanda jelas bahawa dasar luar Malaysia akan dipandu oleh keadaan domestik semasa negara ini.

*'When I became PM ... I said our government would focus on performance for the people, and I spoke of my hope that our nation would move forward under the theme of '1Malaysia, People First, Performance Now.' I have emphasised these principles at home, and they are also the principles that will shape our foreign policy... We must ... reshape and adjust our domestic and foreign policy priorities to meet the changing world order.'*³¹

Secara amnya sepanjang era Najib, hubungan bilateral dengan negara jiran menjadi prioriti utama. Hal ini jelas dapat dilihat apabila beliau melawat beberapa negara seperti Indonesia, Singapura, China dan Korea Selatan sebaik sahaja beliau menjawat jawatan Perdana Menteri pada April 2009. Dalam masa yang sama, dasar luar pada era ini berusaha menguatkan lagi kerjasama dengan rakan tradisional Malaysia seperti China, India, Amerika Syarikat serta Kesatuan Eropah, di samping berusaha menguatkan hubungan dengan negara-negara di Asia Pasifik, Timur Tengah, Afrika dan Amerika Latin.³² Di samping itu, Malaysia turut memainkan peranan penting dalam isu luar terutamanya yang membabitkan beberapa isu penting dunia seperti pergerakan *wassatiyyah (moderation)*.³³

China misalnya yang menjadi enjin pertumbuhan ekonomi dunia terutamanya di sebelah Asia terus berada dalam radar dasar luar Malaysia. Di bawah pentadbiran Najib, Malaysia bertindak meningkatkan hubungan dengan China yang dianggap sebagai gergasi ekonomi dunia. Legasi yang ditinggalkan oleh bapa beliau ini merupakan antara misi

utama era pentadbiran Najib. Maka, Malaysia menjadi salah satu rakan dagangan utama China pada masa ini. Joseph Lim, Setiausaha Agung *Malaysia-China Chamber of Commerce* (MCCC) sendiri mengakui bahawa *'Malaysia and China are currently going through what we call 'honeymoon' kerana hubungan politik dan ekonomi yang rapat antara kedua-dua buah negara ini.*³⁴ Di samping itu, Chai Xi, Duta Besar China ke Malaysia turut menekankan hubungan yang rapat ini dan mengakui bahawa Malaysia menjadi rakan dagangan ketiga terbesar China pada 2012 dengan anggaran perdagangan dijangkakan mencecah angka US\$100 bilion (RM312 bilion) akibat peningkatan eksport untuk sumber alam dan peningkatan import barangan pengguna.³⁵

Walaupun China terus menjadi fokus utama kepada hubungan luar Malaysia, kepentingan Jepun dalam hal ini tidak boleh diabaikan lebih-lebih lagi menyedari akan kekuatan ekonomi negara tersebut. Berdasarkan kepentingan peranan Jepun sebagai salah satu pemain utama ekonomi dunia, Najib bertindak mengambil beberapa langkah menguatkan hubungan ini. Era pentadbiran Najib ini bertepatan dengan ulang tahun ke-30 Dasar Pandang ke Timur. Oleh itu, semasa memberikan ucapan dalam *At The Look East Policy – A New Dimension* pada 10 Oktober 2012, Najib menyatakan;

'Japan investments in Malaysia's manufacturing last year were the highest since 1980, reaching US3.2 billion. Technology projects approved in 2011 included Panasonic Energy Malaysia, a US578 million company making solar photovoltaic technology; a US906.3 million investment by Ividen, making advanced computer components; and a US63 million integrated quality hub in Selangor, as part of a US300 million three-year expansion plan by Toyota Motor Corporation.'

*'Projects like these will ensure the Look East partnership always faces forward. As we celebrate thirty years of education abroad and innovation at home, we should seize this chance to ask ourselves: where next for the Look East Policy? What does it mean to Look East' today? What will it mean in 10, 20, 30 years' time?'*³⁶

Sambil menyifatkan Malaysia perlu mengambil kesempatan untuk mendapatkan kemahiran, ilmu dan nilai di samping terlibat secara langsung dalam teknologi-teknologi yang mempunyai nilai tambah, Najib melihat bahawa dasar-dasar ini perlu untuk memenuhi agenda domestik negara melalui pelaksanaan *Economic Transformation Programme* (ETP) yang bermatlamat menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi pada 2020. Di samping itu, kerajaan juga mengharapkan agar kedua-dua negara bukan sahaja akan menguatkan hubungan melalui penghantaran pelajar ke Jepun, tetapi juga kerjasama ini akan dikuatkan lagi melalui hubungan yang kuat antara institusi pendidikan di kedua-dua buah negara ini.³⁷

Di samping itu, hubungan Malaysia dengan Amerika dan negara anggota Kesatuan Eropah (EU) juga terus diperkukuhkan. Pada November 2010 misalnya, Setiausaha Negara Amerika, Hillary Clinton melakukan lawatan tiga hari ke Malaysia. Selain itu, Najib Razak dan Presiden Amerika, Barack Obama juga pernah mengadakan pertemuan sebelum berlangsungnya *Nuclear Security Summit* di Washington pada 12 April 2010. Pertemuan Najib-Obama ini merupakan tanda bagaimana Amerika menghargai pentingnya peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam hal ini, sambil mengakui bahawa Kuala Lumpur hanya menyokong program pembangunan nuklear untuk tujuan keamanan.³⁸ Selain itu, semasa lawatan Najib ke Amerika ini juga, beliau menunjukkan bahawa Malaysia memerlukan kerjasama yang sangat tinggi dari Amerika, terutamanya dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan teknologi dan ekonomi.³⁹

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa dasar luar Malaysia negara ini banyak digerakkan oleh pemimpin negara iaitu perdana menteri. Bermula dari Tunku Abdul Rahman yang pro-Barat, dasar berkecuali Tun Razak, dasar penerusan Tun Hussein Onn, dasar konfrontasi Dr. Mahathir, dasar tidak konfrontasi Abdullah Badawi dan dasar pragmatik Najib, jelas memperlihatkan pemimpin negara

mengemudi dasar luar Malaysia dan kepentingan negara di persada antarabangsa. Kedaulatan negara terus dipertahankan oleh pemimpin-pemimpin ini. Namun, apa yang pasti adalah dasar luar yang dipegang oleh pemimpin-pemimpin ini telah berjaya memprojeksi nama Malaysia di mata dunia.

Nota

- ¹ Karl W. Deutsch, 1988. *The Analysis of International Relations*. 3rd ed. (Englewood Cliff, NJ: Prentice-Hall, 1988).
- ² Graham Evans & Jeffrey Newnham, *Penguin Dictionary of International Relations*. (London: Penguin Books, 1998).
- ³ Clayton C. Rodee, *Introduction to Political Science*. 4th ed. (Singapura: Macmillan, 1988).
- ⁴ David G. Winter, "Personality and Political Behavior" dalam D. O. Sears, L. Huddy and R. Jervis (eds.). *Oxford Handbook of Political Psychology*, (Oxford: Oxford University Press, 2003).
- ⁵ Hermann misalnya cuba menilai enam karakter penting bagi seorang pemimpin dalam mempengaruhi dasar luar sesebuah negara. Margaret G. Hermann, "Explaining Foreign Policy Behavior Using the Personal Characteristics of Political Leaders," *International Studies Quarterly*, Vol. 24, No. 1 (Mar., 1980), hlm.7-46.
- ⁶ Margaret G. Hermann, Charles Hermann, & Joe Hagan, "How Decision Units Shape Foreign Policy Behaviour," in Hermann, C. F. Kegley, C. & Rosenau, J. (eds.). *New Directions in the Study of Foreign Policy*. (New York: Harper Collins, 1987), hlm. 311-312.
- ⁷ Akan Malici, *When Leaders Learn and When They Don't: Mikhail Gorbachev and Kim II Sung at the End of the Cold War* (New York: SUNY Press, 2009), hlm. 3.
- ⁸ Abdullah Ahmad. *Tengku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia 1957-1970*. (Kuala Lumpur: Berita Publishers, 1985). Sila lihat juga Chandran Jeshurun, *Malaysia: Fifty Years of Diplomacy* (Singapore: Talisman Publishing, 2008).
- ⁹ Mubin Sheppard. *Tunku His Life and Times*. (Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 2007), hlm. 19-27.
- ¹⁰ Joseph Chinyong Liow, 2005. "Tunku Abdul Rahman and Malaya's Relations with Indonesia, 1957-1960," *Journal of Southeast Asian Studies*, 36 (1): 87-109.
- ¹¹ Shanti Nair, *Islam in Malaysian Foreign Policy*. (London: Routledge, 1997), hlm. 57.
- ¹² Zainal Abidin Sulong, 'Early Diplomacy.' Dlm. Fauziah M. Taib (ed.). *Number One Wisma Putra*, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy & Foreign Relations, hlm. 18.
- ¹³ Shanti Nair, *Islam in Malaysian Foreign Policy*. (London: Routledge, 1997), hlm. 57.
- ¹⁴ Rozeman Abu Hassan, *Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein: Dasar Luar Malaysia 1970-1976*. (Tanjung Malim: Penerbit UPSI, 2003), hlm. 38.
- ¹⁵ Beberapa siri perlawanan ping pong telah diadakan sebagai usaha ke arah *rapprochement* kedua-dua negara dari tahun 1970-1971 serta merupakan kontak awal sejak teretusnya Perang Korea 1950-1953. Lihat Cathal J. Nolan, *The Longman Guide to World Affairs*, (White Plains, NY: Longman Publishers, USA. 1995), hlm. 297.
- ¹⁶ Henry Kissinger, *Diplomacy*, (New York: Simon & Schuster, 1994), hlm. 727.
- ¹⁷ Nair, *Islam in Malaysian foreign policy*, hlm. 74.
- ¹⁸ Nair, *Islam in Malaysian foreign policy*.

- ¹⁹ K. S. Nathan, "The Evolution of Malaysian Foreign Policy: Major Trends, Challenges and Prospects," Conference Paper Presented at the International Conference on "Revisiting Malaysian History" Hotel Armada, Petaling Jaya, Malaysia, 23-25 Aug 2004.
- ²⁰ Khadijah Md. Khalid, "Malaysian Foreign Policy Orientation and Relations in the Post-Mahathir Years," Hasan Basri and Hoda Mitkees (eds.), *Malaysia in Global Perspective*, (Giza: Department of Malaysian Studies, 2004), hlm. 235.
- ²¹ Murugesu Pathmanathan & David Lazarus (eds.), *Winds of Change: The Mahathir Impact on Malaysia's Foreign Policy*, (Kuala Lumpur: Eastview Press, 1984), hlm. 103-4.
- ²² John Gershman, *A Global Affairs Commentary U.S. and Malaysia Now Best Friends in War on Terrorism*, FP Focus, May 10, 2002, hlm. 1.
- ²³ Wan Shawaluddin Wan Hassan. The response of Muslim countries to the Bosnian crisis, Kertas kerja dibentangkan di Persidangan International Studies Association, Washington D. C. February 16-20, 1999.
- ²⁴ Wan Shawaluddin Wan Hassan & Diana Peters, "Malaysia-United States Relations in the 1990's: Rhetoric and realities," *Jurnal Kinabalu*, Bil. 11, 2005, hlm. 154.
- ²⁵ Gershman, *A Global Affairs Commentary U.S. and Malaysia Now Best Friends in War on Terrorism*.
- ²⁶ Bill Guerin, "Speaking for Islam: A tale of two leaders," *Asian Times*, (17th May 2002) dan David Capie and Amitav Acharya, "A Fine Balance: US relations with Southeast Asia since 9/11," (Dec 2002), (www.ceri-sciences-po.org), hlm. 9.
- ²⁷ Najib, 2004 dipetik dari K. S. Nathan, "The Evolution of Malaysian Foreign Policy: Major Trends, Challenges and Prospects," Conference paper presented at the *International Conference on Revisiting Malaysian History*, Hotel Armada, Petaling Jaya, Malaysia, 23-25 Aug 2004.
- ²⁸ K. S. Nathan, "The Evolution of Malaysian Foreign Policy: Major Trends, Challenges and Prospects", Conference paper presented at the *International Conference on "Revisiting Malaysian History"*, Hotel Armada, Petaling Jaya, Malaysia, 23rd-25th Aug 2004.
- ²⁹ Khadijah Md. Khalid, "Malaysian Foreign Policy Orientation and Relations in the Post-Mahathir Years," Hasan Basri & Hoda Mitkees (eds.), *Malaysia in Global Perspective*, Giza: Department of Malaysian Studies, 2004. dipetik dari Chandra Muzaffar. 2003. *'Malaysian Politics': The emerging scenario under Abdullah Badawi*, ISEAS.
- ³⁰ Khadijah Md. Khalid, "Malaysian Foreign Policy Orientation and Relations in the Post-Mahathir Years."
- ³¹ Khadijah Md. Khalid, "Malaysia's Foreign Policy under Najib: A Comparison with Mahathir," *Asian Survey*, 51(3) (2011), hlm. 422-433.
- ³² "Evolution of Malaysia's Foreign Policy," *Wisma Putra*, www.kln.gov.my.
- ³³ "Malaysian PM Najib say Maal Hijrah theme was Wasatiyyah as the Pillar of Muslim Unity," <http://www.themuslimtimes.org>. Diakses pada 21 Ogos 2014.
- ³⁴ Ooi Tee Ching, "Malaysia-China trade set to surpass US\$100b," *Business Times*, 29th Aug 2012, <http://www.btimes.com.my>.
- ³⁵ Bilqis Bahari, "US\$100b China-Malaysia trade potential," *Business Times*, 19th Oct 2012 dan Berita Utama TV3, 18 Okt 2012.
- ³⁶ Najib Tun Razak, *At The Look East Policy – A New Dimension and MAJECA-JAMECA 31st Conference*, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 10th Oct 2012.
- ³⁷ Najib Tun Razak, *At The Look East Policy*.
- ³⁸ Tham Choy Lin, "Najib Attends Nuclear Security Summit," *Bernama*, 13th April 2010.
- ³⁹ *Bernama*, "Malaysia wants to strengthen trade ties with United States," *Bernama*, 13th April 2010.

Rujukan

- Abdullah Ahmad. (1985). *Tengku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia 1957-1970*. Kuala Lumpur: Berita Publishers.
- Bernama, "Malaysia wants to strengthen trade ties with United States." Bernama, 13 April 2010.
- Bill Guerin, "Speaking for Islam: A tale of two leaders," Asian Times, (17th May 2002).
- Bilqis Bahari, "US\$100b China-Malaysia trade potential," Business Times, 19th Oct 2012.
- Camroux, David. (1994). Looking East and inwards: Internal factors in Malaysian foreign relations during the Mahathir era, 1981-1994, Australia-Asia paper no. 72. Queensland: Centre for the Study of Australia-Asia Relations, Griffith University.
- Capie, David & Acharya, Amitav. (2002). "A Fine Balance: US relations with Southeast Asia since 9/11", (Dec 2002), (www.ceri-sciences-po.org).
- Chamil Wariya. (1989). *Dasar luar era Mahathir*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Chamil Wariya & B. A. Hamzah. (1992). *ZOPFAN mitos atau realiti*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Deutsch, Karl W. (1988). *The analysis of international relations* (3rd ed.). Englewood Cliff, NJ: Prentice-Hall.
- Esposito, J. L. (1995). *Oxford encyclopedia of the modern Muslim World*. New York: Oxford University Press.
- Gershman, John. (2002). A global affairs commentary U.S. and Malaysia now best friends in war on terrorism, *FP Focus*, May 10.
- Goldstein, J. S. (1994). *International relations*. New York: Harper Collins.
- Hermann, Margaret G. (1980). Explaining foreign policy behavior using the personal characteristics of political leaders. *International Studies Quarterly*, Vol. 24, No. 1: 7-46.
- Hermann, Margaret G., Charles Hermann, & Joe Hagan. (1987). How decision units shape foreign policy behaviour. In Hermann, C. F. Kegley, C. & Rosenau, J. (eds.). *New Directions in the Study of Foreign Policy*. New York: Harper Collins.
- Khadijah Md. Khalid. (2004). "Malaysian foreign policy orientation and relations in the post-Mahathir years. In Hasan Basri & Hoda Mitkees (eds.). *Malaysia in Global Perspective*. Giza: Department of Malaysian Studies.
- Khadijah Md. Khalid. (2011). "Malaysia's foreign policy under Najib: A comparison with Mahathir. *Asian Survey*, 51(3): 429-452.
- Khoo Boo Teik. (1995). *Paradoxes of Mahathirism. An intellectual biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kissinger, Henry. (1994). *Diplomacy*. New York: Simon & Schuster.
- Lieber, Robert. (1995). *No common power; understanding international relations*. New York: Harper Collins.

- Lim Ai Lee. (2010). "Najib and Obama in historic bilateral meeting." *The Star*, 13 April.
- Liow, Joseph Chinyong. (2005). Tunku Abdul Rahman and Malaya's relations with Indonesia, 1957–1960. *Journal of Southeast Asian Studies*, 36 (1): 87–109.
- Mahathir Mohamad. (1982). *The Malay dilemma*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Malici, Akan. (2009). *When leaders learn and when they don't: Mikhail Gorbachev and Kim Il Sung at the end of the Cold War*. New York: SUNY Press.
- Malaysian PM Najib say Maal Hijrah theme was Wasatiyyah as the Pillar of Muslim Unity. <http://www.themuslimtimes.org/2012/11/countries/malaysia/maal-hijrah-theme-was-wasatiyyah-as-the-pillar-of-muslim-unity>. Diakses pada 21 Ogos 2014.
- Milne, R. S. & Diane K. Mauzy. (1999). *Malaysian politics under Mahathir*. London: Routledge.
- Shanti Nair. (1997). *Islam in Malaysian foreign policy*. London: Routledge.
- Najib Tun Razak, *At The Look East Policy – A New Dimension and MAJECA-JAMECA 31st Conference*, 10th Oct. 2012, Hotel Istana, Kuala Lumpur.
- Najib Tun Razak, Deputy Prime Minister, Malaysian Heads of Mission Conference, Putrajaya Convention Centre, Malaysia, 10th July 2004, pp. 1 – 4: <http://domino.kln.gov.my/kln>
- Nathan, K.S. (2004). "The evolution of Malaysian foreign policy: Major trends, challenges and prospects." Conference paper presented at the International Conference on "Revisiting Malaysian History," Hotel Armada, Petaling Jaya, Malaysia, 23 – 25 Aug.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2000). *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nolan, Cathal J. (1995). *The Longman guide to world affairs*. White Plains, NY: Longman Publishers, USA.
- Nor Ahmad Baba. (1993). Organisation of the Islamic Conference: Conceptual framework and institutional structure. *International Studies*, 30, 1.
- Nossal, Kim R. & Stubbs, Richard. (1997). 'Mahathir's Malaysia: An emerging middle power?' In Cooper, Andrew F. (ed.) *Niche diplomacy: Middle powers in the Post-Cold War Era*. London: Macmillan.
- Ooi Tee Ching. (2012). "Malaysia-China trade set to surpass US\$100b," *Business Times*, 29 Ogos. <http://www.btimes.com.my/articles/mccc/Article/>
- Pathmanathan, M. & David Lazarus (eds.). (1984). *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*. Kuala Lumpur: Eastview Press.
- Rodee, Clayton C. (1988). *Introduction to political science*. (4th ed.). Singapura: Macmillan.
- Rozeman Abu Hassan. (2003). *Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein: Dasar luar Malaysia 1970 – 1976*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.

- Ruhanie Hj. Ahmad. (1994). *Bosnia voices of Malaysia*. Kuala Lumpur: Titian Klasik Sdn. Bhd.
- Rusdi Omar & Mas Juliana Mukhtaruddin. (2012). Dasar luar Malaysia era Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak: Keutamaan dalam aspek hubungan dua hala. Dlm. Mohd. Azizudin Mohd. Sani & Abdul Rahman Abdul Aziz (eds.). *Malaysia's Foreign Relations: The Agenda of National Resilience*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Saravanamuttu, J. (1996). Malaysia's foreign policy in the Mahathir Period, 1981-1995: An iconoclast come to rule,' *Asian Journal of Political Science*, 4(1): 1 – 16.
- Saravanamuttu, J. (1983). *The dilemma of independence. Two decades of Malaysia's foreign policy 1957-1977*. Penang: Penerbit Univeristi Sains Malaysia.
- Mubin Sheppard. (2007). *Tunku his life and times*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Stubbs, R. (1990). The foreign policy of Malaysia. Dlm. Wurfel, David & Burton, Bruce (eds.). *The Political Economy of Foreign Policy in Southeast Asia*. London: Macmillan.
- Tham Choy Lin, Najib Attends Nuclear Security Summit, *Bernama*, 13 April 2010.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Diana Peters. (2005). Malaysia-United States Relations in the 1990's: Rhetoric and realities. *Jurnal Kinabalu*, 11: 13 – 146.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan. (1999). The response of Muslim countries to the Bosnian crisis, Kertas kerja dibentangkan di Persidangan International Studies Association, Washington D.C. February 16 – 20.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan. (1999). Bosnian crisis and Malaysia foreign policy. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Malaysia. Malaysian Social Science Association, Ogos.
- Winter, David G. (2003). Personality and political behaviour. Dlm. D. O. Sears, L. Huddy & R. Jervis (eds.). *Oxford Handbook of Political Psychology*. Oxford: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Sulong. (2006). Early diplomacy. Dlm. Fauziah M. Taib (ed.). *Number one Wisma Putra*. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy & Foreign Relations.

